

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 25 JANUARI 2023  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 13

### Konsep Malaysia MADANI strategi stabilkan ekonomi negara

# Konsep Malaysia MADANI strategi stabilkan ekonomi negara

Mohd Salleh Osman,  
Presint 16, Putrajaya

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim pada 19 Januari lalu memperkenalkan Malaysia MADANI sebagai usaha mengemudi dan

mengangkat semula martabat serta kegemilangan negara di persada dunia.

Konsep itu dilihat sebagai lonjakan baharu Malaysia bagi menjawab keresahan rakyat dalam menghadapi cabaran akan datang.

Semangnya konsep ini tepat pada masanya terutama melihat kepada pelbagai kepincangan berlaku pada tempoh semasa. Ini kerana konsep Madani menitikberatkan kepada masyarakat yang diurus dengan baik dan mencapai tujuan pembinaan peradaban bangsa.

Seperti konsep yang pernah diperkenalkan pemimpin terdahulu seperti Wawasan 2020, Islam Hadhari, 1Malaysia, Wawasan Kemakmuran Bersama, Malaysia Pribatin dan Keluarga Malaysia, konsep Malaysia MADANI diharap mampu dilihat, dirasa dan difahami dengan mudah oleh masyarakat melalui perbuatan, tindakan serta keberhasilan yang ditunjukkan.

Umum mengetahui, istilah madani amat sinonim dengan Anwar kerana ia sering diungkap beliau suatu ketika dahulu yang memberi keutamaan kepada soal keyakinan dan kemanusiaan.

Maka, sudah pasti Anwar mahukan yang terbaik dapat dilakukan melalui konsep ini sejajar dengan harapan rakyat iaitu mahukan negara ini segera pulih daripada pelbagai krisis.

Tambahan pula, konsep ini bukanlah perkara baharu, malah pernah diutarakan beliau sejak menjadi Timbalan Perdana Menteri pada 1990-an, termasuk yang dirakamkan dalam buku Gelombang Kebangkitan Asia.

Namun demikian, keimbangan yang disuarakan beberapa pihak supaya unsur dalam konsep itu perlu diperluaskan bagi memastikan tiada golongan tersisih selain dapat memahami

penggunaan perkataan madani dengan lebih jelas sewajarnya diambil perhatian serius oleh pengguna basar negara.

#### Konsep perlu diperinci kepada orang ramai

Gagasan MADANI yang diacu berteraskan kepada enam rukun iaitu kemampuan, kesejahteraan, data cipta, hormat, keyakinan dan ihsan perlu diterjemahkan dalam dasar negara secara menyeluruh.

Tugas berat menanti, terutamanya dalam memberikan keyakinan kepada orang bukan Melayu atau Islam untuk memahami konsep ini yang kedengaran seperti perkataan Arab.

Malah, mungkin terdapat mereka yang mungkin agak canggung untuk menyebutnya. Oleh yang demikian, konsep ini perlu disematkan dalam semua program kerajaan selain memastikan ia boleh diterima masyarakat umum seluruhnya.

Lantaran itu juga, konsep ini perlu diperincikan kepada orang ramai sama ada dari sudut pendefinisan konsep, penjelasan matlamat, pelan tindakan serta pendekatan untuk mencapainya. Penjelasan yang terlalu umum dan di luar kefa-

haman akan menghilangkan rasa minat untuk memahami maksud sebenar serta bakal mengundang polemik tidak berkesudahan.

Konsep Malaysia MADANI memerlukan nilai faham, horman dan terima bagi membina keyakinan serta memperhebat kesejahteraan. Program dan aktiviti berterusan diperlukan supaya penjenamaannya sampai kepada pelbagai kumpulan sasaran.

Ketidakfahaman dan kemudiannya tidak sam-pai kepada kumpulan sasaran adalah hal yang boleh menyebabkan kegagalan sesuatu dasar. Ini kerana kerana setiap orang mempunyai tafsiran berbeza termasuk demi kepentingan sendiri.

Sehubungan itu, barisan penganalisis, intelektual, teknokrat dan pakar berkaitan perlu bekerjasama membantu kerajaan merealisasikan konsep ini supaya menjadi lebih konkret, mudah difahami, selain tidak ditafsirkan secara meluluh.

Strategi MADANI yang dicerakinkan kepada tiga keutamaan iaitu membasmikan kemiskinan, penstrukturkan semula ekonomi dan memulih serta menjana ekonomi diyakini kekal relevan sebagai satu iltizam juga pendekatan untuk menyelamatkan negara.

Kadar kemiskinan yang masih tinggi di negara ini dengan kira-kira 136,000 isi rumah berada dalam kategori miskin tegar dan lebih 308,000 miskin setakat Julai 2022 memberikan gambaran bahawa jurang antara golongan kaya dan miskin masih melebar serta perlu ditangani dengan bijak.

Paling utama, rakyat mahu melihat konsep Malaysia MADANI yang dibawa ini dapat menjelaskan kematangan politik negara supaya berada dalam keadaan stabil, sekali gus dapat memacu kemajuan negara, terutama dalam pembangunan ekonomi.

Kesejahteraan rakyat bertitik-tolak dengan ekonomi stabil, selain pembangunan modal insan yang mampan.

Strategi Madani yang dicerakinkan kepada tiga keutamaan diyakini kekal relevan sebagai satu iltizam juga pendekatan untuk menyelamatkan negara